

Ali Rustam jadi Yang Dipertua MPMBB

UM

30 DEC 1988

MELAKA 29 Dis. — Jawatan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Melaka Bandaraya Bersejarah yang sebelum ini dipegang oleh pegawai kanan kerajaan selama lebih setahun akan kembali disandang oleh Ketua Menteri.

Ketua Menteri, Datuk Wira Mohd. Ali Rustam berkata, beliau akan menjadi Yang Dipertua MPMBB sementara Haris Hassan yang menjawat jawatan itu sebelum ini akan kembali semula sebagai Timbalan Yang Dipertua.

Mohd. Ali menjelaskan, beliau telah mendapat kebenaran daripada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad supaya Ketua Menteri memegang semula jawatan tersebut.

Selain itu, Yang Dipertua Majlis Daerah Jasin dan Alor Gajah akan disandang oleh Pegawai Daerah masing-masing, katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Exco di Seri Negeri, hari ini.

Sementara itu, Mohd. Ali juga mengumumkan pelantikan timbalan-timbalan pengerusi baru bagi beberapa agensi kerajaan negeri.

Pengerusi Jawatankuasa Perindustrian, Sains dan Teknologi, Datuk Ahmad Hamzah yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri Serkam dilantik sebagai Timbalan Pengerusi Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka (PKNM).

Bekas Setiausaha Khas Ketua Menteri, Datuk Naim Mohamed yang juga Timbalan Ketua UMNO Bahagian Kota Melaka di-

lantik Timbalan Pengerusi Yayasan Melaka sementara Naib Ketua UMNO Bahagian Batu Berendam kekal sebagai Timbalan Pengerusi Perbadanan Tanah Adat Melaka (Pertam).

Ahli Dewan Undangan Negeri Durian Tunggal, Abdul Kadir Daud dilantik sebagai Pengerusi Perbadanan Perpustakaan Negeri Melaka dan Ahli Dewan Undangan Negeri Pulau Sebang, Abdul Aziz Isa sebagai timbalan pengerusi.

Timbalan Pengerusi Majlis Agama Islam (MAIM) pula disandang oleh Ahli Dewan Undangan Negeri Melekek, Nawi Ahmad sementara Pengarah Jabatan Agama Islam, Idris Daud pula dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Wakaf dan Baitulmal sementara timbalannya ialah Ahli Dewan Negeri Tangga Batu, Yaakob Md. Amin

Sementara itu, Ketua Pemuda UMNO Batu Berendam, Hasnoor Sidang Husin dilantik sebagai Timbalan Pengerusi Perbadanan Air Melaka (PAM) sementara bekas Speaker Datuk Nasir Manap sebagai Timbalan Pengerusi Perbadanan Muzium Negeri (Perzim).

Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan Merlimau, Nazari Adzim pula dilantik sebagai Timbalan Pengerusi Kolej Yayasan Melaka manakala Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Wira Abdul Aziz Omar sebagai Timbalan Pengerusi Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia (IKSEP).